

02 APR 1999

Hamid-Haji

HAJI: TINDAKAN MAHKAMAH TERHADAP TIGA SYARIKAT PELANCONGAN

SEPANG, 2 April (Bernama) -- Tiga syarikat besar pelancongan akan dikenakan tindakan undang-undang kerana menguruskan sendiri jemaah haji Malaysia ke Makkah dan tidak melalui Tabung Haji.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata syarikat-syarikat itu melakukan kesalahan mengikut Akta Tabung Haji, yang hanya membenarkan Tabung Haji mengurus jemaah haji termasuk mendapatkan visa haji.

Tindakan undang-undang akan turut diambil terhadap beberapa syarikat kecil sama ada mereka telah membawa jemaah haji ke Makkah ataupun gagal berbuat demikian.

"Akta Tabung Haji bertujuan melindungi rakyat Malaysia daripada terpedaya, sebagai contoh ada syarikat pelancongan yang sudah mengutip wang tetapi gagal membawa jemaah haji ke tanah suci," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini sekembalinya dari Makkah hari ini.

Beliau berada di Arab Saudi selama 11 hari untuk menunaikan haji dan meninjau operasi Tabung Haji di sana.

Dr Abdul Hamid berkata kerajaan memandang serius kegiatan syarikat pelancongan terbabit yang menguruskan rakyat Malaysia ke Makkah dengan menggunakan pasport antarabangsa Malaysia tetapi mendapatkan visa haji menerusi beberapa negara jiran.

Beliau menjelaskan bahawa syarikat-syarikat swasta hanya boleh menawarkan pakej membawa jemaah haji yang telah mendapat kelulusan dan pasport haji menerusi Tabung Haji dan jemaah haji yang ke tanah suci secara pakej hanya boleh menggunakan perkhidmatan syarikat-syarikat yang berada dalam konsortium yang dibenarkan Tabung Haji.

Kini ada enam konsortium yang mendapat kebenaran Tabung Haji dan setiap konsortium itu mempunyai sekurang-kurangnya tiga syarikat pelancongan.

Katanya Tabung Haji menerima banyak aduan tentang kegiatan syarikat swasta mengendalikan jemaah haji dan beberapa jemaah yang sampai ke tanah suci melalui pakej swasta itu turut mengalami masalah semasa di sana.

"Ada di antara mereka yang terpaksa tidur di tepi jalan dan tepi longkang semasa di Mina, ada yang dijumpai hilang dari tempat kediaman oleh para pegawai Tabung Haji walaupun mereka membayar sehingga RM12,000 kepada syarikat berkenaan," katanya.

Dalam satu kes lain, katanya, seorang jemaah haji lelaki yang meninggal dunia di Makkah, empat hari sebelum hari wukuf, didapati menggunakan pasport antarabangsa Malaysia tetapi menggunakan visa haji negara lain. Ini menimbulkan masalah ketika proses merekodkan kematian dan urusan pengkebumian.

Kerajaan Arab Saudi menghadapi kesukaran untuk menguruskan kes sedemikian kerana taraf kerakyatan jemaah itu diragui disebabkan visa haji negara berkenaan biasanya dikeluarkan kepada jemaah haji dari negara itu sendiri, katanya.

Tabung Haji turut mengesan kes-kes jemaah haji Malaysia yang didapati menggunakan rantai tangan yang bukan dibekalkan oleh Tabung Haji.

Mengenai urusan dan operasi haji oleh Tabung Haji pada tahun ini, Dr Abdul Hamid berkata ia berjalan baik dan beliau berterima kasih kepada kerajaan Arab Saudi kerana memberi banyak kemudahan terutama dengan menyediakan pengangkutan yang cukup untuk mengangkut semua jemaah.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin

Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang menunaikan haji tahun ini, menjadi tetamu Raja Fahd dan Dr Mahathir sempat menziarah para jemaah haji Malaysia di Mina dan mereka yang berada di hospital Tabung Haji.

Setakat semalam, 99 orang jemaah haji Malaysia meninggal dunia dan mereka terdiri daripada yang berusia lebih 60 tahun, katanya.

-- BERNAMA

AFY RON